

20 OCT 2002
Adnan-Ketetapan
KONVENSYEN BN PAHANG BUAT DUA KETETAPAN

KUANTAN, 20 Okt (Bernama) -- Konvensyen Barisan Nasional (BN) Negeri Pahang hari ini telah membuat dua ketetapan berhubung pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris dan juga isu mengaitkan BN dengan rangkaian pegganas al-Qaeda

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob berkata, dalam ketetapan pertama, BN Negeri Pahang dengan sebulat suara memberi kepercayaan terhadap kewibawaan dan kebijaksanaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kabinet dalam membuat keputusan yang sesuai dan bijak mengenai pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

Menurut beliau, BN negeri Pahang percaya Kabinet akan membuat keputusan yang bijak dan sesuai setelah mereka mendapatkan semua pandangan dan pendapat daripada semua pihak.

"Dan Barisan Nasional Negeri Pahang akan menyokong sebarang keputusan bijak yang akan dibuat Kabinet," katanya kepada pemberita selepas Konvensyen Barisan Nasional Negeri Pahang di sini, hari ini.

Konvensyen sehari itu telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Naib Pengerusi BN.

Adnan yang juga Pengerusi BN Pahang berkata, ketetapan yang telah dipersetujui oleh kelima-lima parti komponen BN di Pahang itu tidak akan menimbulkan konflik walaupun terdapat laporan bahawa jawtankuasa pusat MCA tidak bersetuju mengenai pengajaran bahasa Inggeris itu.

Menurut beliau, konvensyen hari ini adalah konvensyen peringkat negeri dan laporan mengenai keputusan yang dibuat MCA itu belum begitu sahih.

"Kita juga bukan rujuk kepada kenyataan MCA hari ini... kita rujuk kepada ura-ura untuk mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris yang timbul sejak awal lagi.

"Dan kita lihat sekarang ini timbul pelbagai reaksi... sebab itu BN Pahang percaya kepada kebijaksanaan Kabinet, dan Kabinet akan gunakan kebijaksanaan ini untuk menangani masalah ini dengan baik.

Adnan berkata, apa yang diketahui pada masa ini Kabinet belum membuat sebarang keputusan mengenai perkara itu dan apa yang ada sekarang ini hanyalah perbincangan yang sedang rancak berlaku.

Sementara itu Adnan berkata, dalam ketetapan kedua, BN negeri Pahang mendesak kerajaan supaya mendesak Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) mengeluarkan sebarang rujukan kepada BN dalam laporannya yang mengaitkan BN dengan rangkaian pegganas al-Qaeda.

Laporan yang mengaitkan BN dengan al-Qaeda itu dibuat berdasarkan kepada buku "Inside al-Qaeda: Global Network of Terror" oleh penulis kelahiran Sri Lanka, Rohan Gunaratna.

Menurut Adnan, semalam pihaknya telah menerima laporan bahawa penulis buku itu telah menjelaskan bahawa beliau bukan maksudkan BN yang mempunyai hubungan dengan MILF di Filipina.

Oleh kerana PBB menggunakan fakta yang tidak disahkan daripada buku Rohan Gunaratna dan Rohan telah buat penjelasan, maka adalah wajar sebarang rujukan yang mengaitkan BN dengan pertubuhan al Qaeda dikeluarkan daripada laporan itu.

-- BERNAMA
HIS PR